



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			

Tapir betina masuk perangkap

HM, 28 Jul
2021_21

Seremban: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan menangkap seekor tapir Malaya betina seberat 300 kilogram selepas memasuki perangkap di Felda Pasoh 2, Simpang Pertang, pada 18 Julai lalu.

Pengarahnya, Wan Mat Wan Harun berkata, perangkap itu dipasang sejak 17 Julai susulan aduan penduduk mengenai kelibat seekor tapir Malaya di lokasi berkenaan pada tiga hari sebelumnya.

“Siasatan awal mendapati tapir berkenaan datang untuk makan buah macang berdekatan rumah kakitangan Felda Pasoh 2 dan berkemungkinan bau buah itu menarik perhatian tapir itu.

“Kawasan itu berhampiran hutan belukar dan

ladang kelapa sawit,” katanya kepada Bernama di sini, semalam.

Beliau berkata haiwan itu memasuki perangkap pada jam 8 pagi dan sebaik menerima maklumat itu, 10 anggota Perhilitan Negeri Sembilan dihantar ke Felda berkenaan untuk memeriksa perangkap berkenaan.

Katanya, pada tahun ini, empat tapir Malaya atau nama saintifiknya *Tapirus Indicus* diselamatkan daripada diancam kepupusan.

Beliau berkata, tapir itu berada dalam keadaan sihat dan dirawat oleh pegawai veterinar Jabatan Perhilitan terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke kawasan Hutan Simpan Kenaboi, Jelebu

pada hari yang sama bagi memastikan spesiesnya terjaga.
- Bernama

Tapir berkenaan datang untuk makan buah macang

